

Headline	Semangat membara Gergasi Merah		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	22 Jan 2019	Circulation	69,985
Section	Sukan	Readership	209,955
Page No	63	ArticleSize	405 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,961
Journalist	Syafiq Aznan	PR Value	RM 41,882
Frequency	Daily		



Semangat membara Gergasi Merah

SELANGOR (THE RED GIANTS)

► **President:** Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah

► **Jurulatih:** B Sathianathan

Pencapaian 2018

- Liga Super: ke-8
- Piala FA: Naib juara
- Piala Malaysia: Peringkat kumpulan

Pencapaian keseluruhan

- Juara Divisyen 1: Enam kali
- Piala Malaysia: 33 kali
- Piala FA: 5 kali
- Piala Sumbangsih: Lapan kali

Pencapaian peringkat Asia

- Naib juara Kejohanan Kelab Asia 1967

Gelanggang

- Stadium Shah Alam
- Kapasiti 80,000

GRAFIK BH

→ Selangor sedia kembali menggegar di bawah pimpinan Tengku Amir Shah

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@nsp.com.my

■ Kuala Lumpur

Selepas kali terakhir muncul naib juara Liga Super 2015, Selangor bagaikan ‘hilang nafsu’ apabila bertukar status daripada pasukan yang mencabar kejuaraan kepada sekadar menjadi skuad pemerhati.

Rentak goyah mereka bermula pada 2016 apabila menamatkan saingan di luar kelompok ketiga terbaik dengan menduduki tempat kelima sebelum turun satu lagi anak tangga pada musim 2017 apabila

menghuni tangga keenam.

Tn Red Giants terus tenggelam apabila meraih pencapaian terburuk dalam tempoh sembilan tahun selepas sekadar mampu menamatkan saingan di tangga kelapan musim lalu - kedudukan yang dilihat tidak mewujud prestij Selangor sebagai antara pasukan gergasi tanah air.

Bagaimanapun, buku lama sudah ditutup apabila rejim baharu Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) di bawah teraju Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah serius untuk ‘menggejutkan’ Gergasi Merah yang sudah lama lena diulit mimpi.

MILIKI KEKUATAN

Bukan sahaja transformasi dari segi pentadbiran, malah aspek pengurusan dan pembentukan pasukan juga berdepan banyak perubahan yang jauh berbeza berbanding skuad musim lalu.

Bermula dengan kemasukan bekas jurulatih kebangsaan, B Sathianathan, Selangor turut memperkasa pasukan dengan menantang pemain berbakat besar seperti Faiz Nasir, Wan Zack Haikal Wan Noor, Abdul Halim Saari dan Norhakim Isa.

Malah, kemasukan pemain



Ada banyak lagi pasukan lain seperti Pahang, Perak dan Kedah yang turut memiliki kehebatan tersendiri dan ada peluang yang sama rata untuk mencabar JDT. “Ada banyak lagi pasukan lain seperti Pahang, Perak dan Kedah yang turut memiliki kehebatan tersendiri dan ada peluang yang sama rata untuk mencabar JDT. Apapun, kita ada material dan saya perlu menggunakan sebaik mungkin untuk mendapatkan keputusan.”

B Sathianathan,
Jurulatih Selangor

import yang mantap seperti Endrick Dos Santos, Antonio German dan Michal Nguyen juga dijangka dapat memperkasa pasukan terbabit untuk kembali mencetuskan impak dalam kancan bola sepak tempatan.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan Selangor adalah antara pasukan yang perlu diberikan perhatian dengan mereka memiliki kekuatan untuk mampu dilihat membuktikan juara liga lima kali. Johor Darul Ta’zim (JDT) tidak senang duduk pada musim ini.

Bagaimanapun, Sathianathan memilih merendah diri, apabila menegaskan Selangor bukanlah satu satunya pasukan yang akan menjadi pencabar kejuaraan bagi musim ini.

“Ada banyak lagi pasukan lain seperti Pahang, Perak dan Kedah yang turut memiliki kehebatan tersendiri dan ada peluang yang sama rata untuk mencabar JDT. Apapun, kita ada material dan saya perlu menggunakan sebaik mungkin untuk mendapatkan keputusan.”

“Segalanya bergantung kepada prestasi pemain di atas padang. Sama ada skuad kali ini boleh dianggap sebagai skuad Selangor yang terbaik, kita tunggu sehingga penghujung musim nanti,” katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football (Football)	20	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Istana Selangor)	2	0	RM 0
Istana Selangor (Raja Muda Selangor)	4	0	RM 0
Media Prima Bhd (New Straits Times Press (M) Berhad)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	RM 0
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Unit Peneraju Agenda	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kejohanan golf amal kumpul RM300,000 naik taraf surau		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	17	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,250



Kejohanan golf amal kumpul RM300,000 naik taraf surau

Banting: Rancangan menaik taraf Surau Ar-Rayyan di Seksyen 7 di sini serta pembinaan asrama pelajar semakin menjadi kenyataan apabila RM300,000 dikumpul melalui kejohanan golf amal yang diadakan pagi semalam.

Kejohanan yang diadakan di Amverton Cove Golf and Island Resort bermula jam 8 pagi tadi, menyaksikan 100 peserta termasuk Menteri

Besar Selangor Amirudin Shari.

Selain Amirudin, Pegawai Kewangan Selangor Datuk Nor Azmie Diron, EXCO Selangor Datuk Abdul Rashid Asari dan Pengurus Surau Ar-Rayyan Azlan Suhaimi turut menyertai kejohanan berkenaan.

Azlan berkata, kejohanan golf aman itu antara beberapa inisiatif yang dilaks-

nakan untuk mengumpul dana bagi menaik taraf Surau Ar-Rayyan yang berusia sedekad selain pembinaan sebuah asrama.

Rancangan itu dimulakan pada Ogos lalu selepas pengurusannya mendapati pertambahan bilangan karirah selain menyediakan ruang lebih selesa untuk pelajar maahad tahfiz belajar dan berehat.



AMIRUDIN bersama peserta pada Kejohanan Golf Amal Anjuran Surau Ar-Rayyan Seksyen 7, Shah Alam.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News - EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	4	0	RM 0
Industry News for Nestle - Sports (Industry News for Nestle - Sports)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	5	0	RM 0
	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Bakar aje!		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	25	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid	AdValue	RM 20,721
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,164



Bakar aje!

■ Tauke kilang haram ambil langkah mudah lupus sisa plastik import sehingga cemar alam sekitar

Amir Abd Hamid
cnews@NSTP.com.my

Kuala Langat

Segelintir pemilik kilang haram memproses sisa plastik import di daerah ini turut melakukan pembakaran terbuka untuk melupuskan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu dilakukan bagi mengaut keuntungan maksimum dengan cara pelupusan termudah iaitu membakarnya.

Tinjauan Harian Metro di kilang dan tapak sisa plastik haram dalam ladang kelapa sawit di Sungai Rambai, Jenjarom di sini turut mendapati sisa sampah yang dibakar menghasilkan bau busuk.

Malah menurut aktivis Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat, Pua Lay Peng, sampah sisa plastik setinggi lebih lima meter di kawasan kira-kira empat ekar itu turut dibuang dan dibakar ke tempat lain sejauh Port Dickson dan Lukut, Negeri Sembilan.

"Pembakaran itu meny-



babkan asap toksin yang dikeluarkan tersebut sehingga lima kilometer termasuk kawasan penempatan sawa di Kampung Baru Sungai Jarom.

"Lebih teruk, pengusaha turut membakar sisa yang diletakkan dalam kilang terbiasa disewa mereka."

"Kami memuji usaha kerajaan mengambil tindakan menutup kilang haram seluruh negara termasuk puluhan kilang yang berada di sini. Persoalannya bagaimana dengan pelupusan ribuan tan sisa plastik yang ditinggalkan?" katanya.

Beliau turut membawa

wartawan meninjau beberapa tempat lain yang dijadikan tapak pelupusan haram sisa plastik import termasuk di kebun kelapa sawit Jalan Sungai Rambai dan berhampiran kolam udang di Telok Mengkuang, Telok Panglima Garang berhampiran Sungai Langat.

Tinjauan turut mendapati air saliran mengalir ke sungai dari tapak pelupusan haram itu berwarna kehitaman.

Rakan aktivisnya, Daniai Tay, 64, berkata, walaupun Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dilaporkan me-

maklumkan bahawa pemberian lesen import (AP) bagi sisa plastik sudah dihentikan kepada mana-mana syarikat sejak ia dibuka pada Julai tahun lalu, kemasukan sisa itu masih berlaku melalui penyeludupan.

"Jika kurang pemantauan inilah jadinya. Sisa plastik terus masuk dan kebanyakannya jadi sampah."

"Saya difahamkan pengusaha haram di sini memanggil rakan niaga di China untuk usahakan di sini selepas republik itu mengeluarkan larangan impor sisa plastik," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Media Prima Bhd (New Straits Times Press (M) Berhad)	1	0	RM 0
Ministry of Housing and Local Government (Ministry of Housing and	1	0	RM 0
Oil Palm Development (Oil Palm Development)	2	0	RM 0
Palm Oil News (Palm Oil News)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Penduduk rayu henti terus import sisa plastik		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	22 Jan 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	25	ArticleSize	258 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 10,125
Journalist	N/A	PR Value	RM 30,375
Frequency	Daily		



Penduduk rayu henti terus import sisa plastik

Pelabuhan Klang: Rata-rata penduduk yang tinggal berhampiran kawasan perindustrian menempatkan kilang haram dan berlesen memproses sisa plastik, di sini, merayu kerajaan menghentikan terus import sisa berkenaan.

Ini kerana sekiranya dibiarakan terus berleluasa, kawasan penempatan itu akan turut tercemar sehingga menyebabkan kesihatan penduduk turut terganggu.

Pelajar Sarjana Muda Perancangan Pelancongan dan Pengurusan Hospitaliti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Farah Najwa Sarifuddin, 23, yang juga penduduk Kampung Telok Gong berkata,

udara kawasan tempat tinggal mereka juga terjejas dengan pertumbuhan industri pemprosesan sisa plastik import.

"Kadang-kadang pihak industri turut melakukan pembakaran untuk me-lupuskan sisa plastik yang tidak boleh diproses sehingga mengundang bau asap tidak menyenangkan.

"Selepas serbuan di beberapa kilang baru-baru ini dan pengusaha diarah hentikan operasi, berkurangan sikit pencemaran di kawasan ini. Saya berharap kilang berkenaan terus ditutup untuk keseleraan masyarakat setempat," katanya.

Peniaga makanan di Masjid Al Ubudiah Telok Gong,

Zanariah Dollah, 43, pula menyifatkan negara sudah tidak tertanggung jumlah sampah termasuk sisa plastik yang banyak terhasil saban hari.

Justeru, katanya, buat apa Malaysia mahu meng-import sisa plastik dianggapnya sebagai sampah luar negara yang sekali gus bukan sahaja menjekaskan persekitaran setempat malah membahayakan negara.

"Kita biasa hidup dengan

persekitaran bersih, kalau ada lambakan sampah luar negara lagi lah kita rasa tak selesa," katanya.

Penduduk Kampung Batu 4, Jalan Kapar, Mohd Sharil Ahmad, 67, pula beranggapan negara seolah-olah menjadi tempat buangan atau longgokan sampah negara lain jika industri pemprosesan sisa plastik import di-biarakan berleluasa.

"Di kampung kita pun dah banyak sampah, apatah lagi di dalam negara Jadi tak perlulah import sampah waima dikatakan sisa plastik berkualiti pun.

“Jika ada yang tak boleh diproses lalu dibuang pulak jadi kotorlah
Mohd Sharil



FARAH Najwa

mengganggu ketenteraman," katanya.

Beliau menjelaskan kilang sisa plastik banyak terdapat di Batu 5, Batu 7 dan Jalan Meru di sini, yang terletak berhampiran kawasan penempatan penduduk.

Nada sama diluahkan pemeriksa Masjid Kiay Abdul-lah Umar Batu 4 1/2 Jalan Kapar, Ramdan Jalaludin, 58, yang berkata sisa plastik tempatan sudah memadai untuk tujuan industri itu.

"Saya tak setuju kita import sisa plastik sedangkan di Malaysia sudah ada terlampaui banyak sampah. Jika kita kumpulkan, kita boleh kitar semula guna sampah tempatan saja sudah memadai dan mencukupi," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment)	1	0	RM 0
Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) (Malaysia Healthcare)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0
Tetra Pak- Industry News (Tetra Pak- Industry News)	15	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	RM 0
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Universiti Islam	3	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Disaran sumbang tenaga maju ekonomi		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	22 Jan 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	26	ArticleSize	244 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,612
Journalist	N/A	PR Value	RM 28,836
Frequency	Daily		



Disaran sumbang tenaga maju ekonomi

Shah Alam: Kaum India yang bermastautin di Selangor disarankan bersama-sama menyumbang tenaga memajukan ekonomi negeri ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri komited merancakkan ekonomi, memberdayakan seluruh rakyat dan mensajahterakan negeri.

"Justeru amatlah penting masyarakat India bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha bagi memastikan kemakmurhan Selangor yang kita cintai.

"Hanyalah dengan memastikan kemakmurhan berkekalan barulah kita dapat mengagihkan kekayaan negeri buat manfaat penduduk negeri.

"Ia mengingatkan karya Thirrukural yang dikarang penyair agung Tamil iaitu Thirruvaluvar iaitu "Mereka yang berkongsi makannya dengan yang lain makan mereka akan menjauhi kesalahan. Manakala keturunannya akan gemilang sepanjang zaman."

"Sajak itu menasihati kita agar jangan sesekali tamak

kerana kemakmurhan negeri Selangor adalah untuk semua, untuk umat Melayu, untuk kaum Cina, India, Sikh, baik yang senang mahupun susah," katanya dalam Perutusan Thaipusam 2019 semalam.

Oleh itu, katanya, beliau mengingatkan rakyat yang tinggal di Selangor tidak berpecah belah sebaliknya bersatu hati.

"Perhatian kita mestilah ditumpukan kepada usaha

untuk melonjakkan ekonomi negeri. Dengan itu kita akan menjadi kuat dan kita akan bertambah kaya," katanya.

Amirudin berkata, rakyat Selangor haruslah berbangga dengan negeri yang berbilang kaum dan kebudayaan ini.

"Kita dapat hidup aman, damai, tenteram serta sentosa di bawah naungan Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Yang DiPertuan

Negeri Selangor serta segala daerah takluknya.

"Saya harap saudara dan saudari akan menyambut hari yang penuh bermakna ini bersama keluarga dan sahabat dalam keadaan yang meriah dan gembira.

"Saya mengucapkan selamat menyambut Hari Thaipusam kepada seluruh rakyat Malaysia terutama mereka yang bermastautin di Selangor," katanya.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Istana Selangor)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	8	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Tengku Amir suntik transformasi FAS		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	22 Jan 2019	Circulation	112,705
Section	Arena	Readership	338,115
Page No	68	ArticleSize	530 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 20,879
Journalist	N/A	PR Value	RM 62,636
Frequency	Daily		



Tengku Amir suntik transformasi FAS

Kuala Lumpur: Selepas kali terakhir muncul naib juara Liga Super 2015, Selangor bagai 'hilang nafsu' apabila bertukar status daripada pasukan yang mencabar kejuaraan kepada sekadar menjadi pasukan pemerhati.

Rentak goyah mereka bermula pada 2016 apabila menamatkan saingan di luar kelompok tiga terbaik dengan menduduki tempat kelima sebelum turun satu lagi anak tangga pada musim 2017.

The Red Giants terus tenggelam apabila meraih pencapaian terburuk dalam tempoh sembilan tahun dengan sekadar menamatkan saingan di tangga kelapan musim lalu, kedudukan yang dilihat tidak menevati prestij Selangor sebagai antara pasukan gergasi tanah air.

Bagaimanapun, buku lama sudah ditutup apabila regim baharu Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) di bawah teraju Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah (**gambar**) nyata serius untuk 'mengejutkan' Gergasi Merah yang sudah lama lena diulit mimpinya.

Bukan saja transformasi dari segi pentadbiran, malah aspek pengurusan dan pembentukan pasukan Selangor juga berdepan banyak perubahan yang jauh berbeza berbanding skuad musim lalu.

Bermula dengan kemasukan bekas jurulatih kebangsaan, B Sathianathan, Selangor turut memperkukuh pasukan dengan menand-

LIGA SUPER 2019

SELANGOR

Gelaran: The Red Giants	Ditubuhkan: 1936
Presiden: Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah	Jurulatih: B Sathianathan
Gelanggang: Stadium Shah Alam	Kapasiti: 80,000

PENCAPIAAN 2018

- Ke-8 Liga Super
- Naib juara Piala FA
- Peringkat kumpulan Piala Malaysia

PENCAPIAAN PERINGKAT ASIA

- Naib juara Kejohanan Kelab Asia 1967

PENCAPIAAN KESELURUHAN

- Juara divisyen 1: Enam kali
- Piala Malaysia: 33 kali
- Piala FA: 5 kali
- Piala Sumbangsih: Lapan kali

tangan pemain berbakat besar seperti Faiz Nasir, Wan Zack Haikal Wan Noor, Abdul Halim Saari dan Norhakim Isa.

Malah, kemasukan pemain import yang mantap seperti Endrick Dos Santos, Antonio German dan Michal Nguyen juga dijangka dapat memperkasa pasukan terbaik untuk kembali mencetus impak dalam kancang bola sepak tempatan.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan Selangor adalah antara pasukan yang perlu diberikan perhatian dengan mereka memiliki kekuatan untuk mampu dilihat membuat juara liga lima kali, Johor Darul Ta'zim (JDT) tidak senang duduk musim ini.

Bagaimanapun, Sathianathan memilih untuk merendah diri apabila menegaskan pasukannya itu bukanlah satu-satunya pasukan yang

akan menjadi pencabar kejuaraan bagi musim ini.

"Ada banyak lagi pasukan lain seperti PAHANG, Perak dan Ke-

dah yang turut memiliki kehebatan tersendiri dan ada peluang yang sama rata untuk mencabar JDT."

"Apapun, kita ada material dan saya perlu menggunakannya sebaik mungkin untuk mendapatkan keputusan. Segala-galanya bergantung kepada prestasi pemain di atas padang."

"Sama ada skuad kali ini boleh dianggap sebagai barisan terbaik, kita tunggu sehingga penghujung musim nanti," katanya.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football (Football)	10	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Istana Selangor)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Raja Muda Selangor)	3	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	RM 0
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Unit Peneraju Agenda)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Thaipusam disambut meriah di seluruh negara		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	22 Jan 2019	Circulation	155,996
Section	Negara	Readership	467,988
Page No	16	ArticleSize	214 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,575
Journalist	N/A	PR Value	RM 16,725
Frequency	Daily		



Thaipusam disambut meriah di seluruh negara

KUALA LUMPUR – Perayaan Thaipusam yang diadakan sempena memperingati kelahiran Dewa Murugan semalam dirai secara meriah dan penuh warna-warni oleh pengikut agama Hindu di seluruh negara.

Kemeriah sambutan perayaan itu khususnya di Batu Caves, Gombak dekat sini menyaksikan pengikut agama Hindu dan pelancong tempatan serta asing membanjiri Kuil Sri Subramaniar sejak pukul 6.30 pagi dan ada yang turut sama mendaki 272 anak tangga itu.

Ratusan pengikut menyempurnakan nazar masing-masing dengan membawa *palkudam* (belanga susu) dan kavadi selain memecahkan kelapa serta mencukur rambut sebagai penebus dosa.


Menurut kepercayaan pengikut

Hindu, perayaan itu untuk meraikkan peristiwa ibu kepada Dewa Murugan menyerahkan lembing kepadanya untuk menghapuskan kejahatan dan disambut semasa bulan penuh Tamil dipanggil Thai (berlaku dalam Januari atau Februari).

Antara pemimpin tempatan yang turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy.

Amirudin dalam ucapannya berkata, sambutan perayaan itu adalah bukti semangat perpaduan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

ORANG ramai membanjiri Kuil Sri Subramaniar di Batu Caves sempena perayaan Thaipusam semalam.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	2	0	RM 0
Minister in Prime Minister Department (Minister in Prime Minister	1	0	RM 0
Prime Ministers Department (Prime Ministers Department)	5	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Penjualan Fasa 1 Rumah Selangorku hangat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,506
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,519



Penjualan Fasa 1 Rumah Selangorku hangat

KUALA LUMPUR - Projek Rumah Selangorku Fasa 1 (subfasa 1A) yang bakal dibina oleh MK Land Holdings Berhad di Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, telah habis dijual sebelum pelancaran rasmi jualannya Sabtu lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, MK Land Holdings Berhad, K Mohanachandran dalam satu kenyataan semalam berkata, Projek Rumah Selangorku di Taman Bunga Raya dibangunkan bagi menyahut permintaan ramai untuk menyediakan kediaman mampu milik kepada rakyat.

"Kami ingin membantu rakyat negeri Selangor secara khususnya, untuk memiliki rumah mereka sendiri daripada menyewa, di mana sewanya terakluk kepada harga pasaran yang turun naik," katanya.

Katanya, subfasa 1A adalah di antara empat subfasa dan kesemua unit fasa 1A telahpun dikenal pasti pemiliknya dan disebabkan permintaan yang amat memberangsangkan, pendaftaran untuk subfasa fasa 1C juga telah dibuka semalam.

"Antara faktor utama pembeli memilih kawasan ini kerana harga berpatutan, reka bentuk menarik, kos pernjimatian binaan disalur semula ke Rumah Selangorku untuk meningkatkan kualiti rumah, lokasi strategik dan fasiliti yang disediakan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan MK Land, Zulkipli Sidin berkata, subfasa 1A terdiri daripada 109 unit rumah teres dua tingkat jenis D yang berharga RM250,000 seunit manakala subfasa 1C berjumlah 101 unit rumah teres jenis D juga.

"Subfasa 1A ini dijangka siap untuk diserahkan kunci pada Januari 2021 dan keseluruhan 1,385 unit projek Rumah Selangorku ini akan mengambil masa lebih kurang tujuh tahun untuk siap sepenuhnya," katanya. - Bernama

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
MK Land Holdings Bhd (MK Land)	3	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Skim Perumahan (Skim Perumahan)	5	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Banteras tempat biak aedes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,292
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,876



Sebahagian penduduk menyertai gotong royong-royong berkenaan.

Banteras tempat biak aedes

PULAU INDAH- Seramai 80 penduduk Kampung Teluk Nipah, di sini, bersama-sama menghadiri program Gotong-Royong Perdana bagi membanteras pembiakan nyamuk aedes.

Program anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Teluk Nipah dengan kerjasama Wesport (M) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Ketua Kampung merangkap Pengerusi MPKK Kampung Teluk Nipah, Azman Samdin berkata, program ini bagi memupuk kesedaran masyarakat setempat supaya mengamalkan gaya hidup sihat dengan menjaga kebersihan kawasan sekitar bagi membendung penularan wabak denggi daripada merebak.

Beliau berkata, kesedaran itu perlu ada dalam kalangan masyarakat, apatah lagi keadaannya sangat membimbangkan pada masa sekarang apabila daerah ini

mencatatkan kes denggi kedua tertinggi di Selangor. "Atas kesedaran itu kita bersepakat untuk mengadakan aktiviti ini bersama-sama penduduk sebagai langkah pencegahan awal wabak yang boleh membawa maut ini daripada merebak di kawasan ini khususnya. "Selain itu, diharapkan dapat mengubah sikap acuh tak acuh masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan sepanjang masa. "Ia juga menyahut seruan kerajaan yang meminta semua pihak bersama-sama membantu secara bersepadu menghapus pembiakan nyamuk aedes," katanya kepada Sinar Harian.

Azman berkata, aktiviti seumpama itu harus dilakukan secara kerap sebagai langkah pencegahan proaktif bagi mengelak peningkatan penularan wabak denggi, selain menyedarkan masyarakat terhadap bahaya denggi.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Demam Denggi Selangor (Demam Denggi Selangor)	1	0	RM 0
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Tutup jambatan demi keselamatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 7,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,749



Tutup jambatan demi keselamatan

Beri laluan kerja baik pulih jambatan Kampung Rantau Panjang

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

BESTARI JAYA

Nois penutupan keseluruhan jambatan di Kampung Rantau Panjang, di sini bagi kerja baik pulih hakisan tebing sungai di jambatan terbabit akan berkuatkuasa pada 28 Januari ini.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, penutupan laluan ke jambatan itu untuk kesemua kenderaan.

"Penutupan laluan ini sehingga 23 April nanti bagi membolehkan kerja baik pulih tebing sungai yang rebak dapat dijalankan dan membuat sambungan dari jambatan ke tebing."

"Kerja baik pulih dalam tempoh tiga bulan itu akan dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Selangor," katanya ketika di-



Shamsul Shahril Badliza di lokasi jambatan bersama agensi kerajaan dan wakil pimpinan kampung, baru-baru ini.



Hakisan sungai yang semakin serius akan dibaiki JKR Daerah Kuala Selangor bermula 28 Januari nanti.

minta mengulas perkembangan terkini status jambatan di kampung itu.

Menurutnya, kerja membuang tanah hakisan akan dibuat di kawasan terjejas bagi memudahkan proses penanaman cerucuk 'sheet pile' sebagai tembok penahan.

"Kerja menambak semula tanah juga akan dilaksanakan sebelum kerja konkrit 'slab' dan penurapan jalan baharu selain kemas kini pe-

rabot jalan.

"Sepanjang tempoh laluan ke jambatan ditutup, orang ramai dan penduduk setempat diminta menggunakan laluan alternatif untuk sementara waktu.

"Mereka boleh menggunakan laluan alternatif lain seperti yang disarankan JKR Daerah Kuala Selangor iaitu Jalan Timur Tambahan dan Jalan Raja Musa," katanya kepada Sinar Harian.

Sebelum ini, hampir 5,000 penduduk di tiga kampung dan tiga ladang kelapa sawit terjejas apabila kenderaan ringan tidak dapat melalui jambatan di kampung itu disebabkan hakisan tebing yang serius.

Bagaimanapun kerjasama semua pihak penting bagi memastikan kemudahan jambatan ini dapat diakses kenderaan pada masa akan datang," katanya.

"Bagaimanapun saya berharap penduduk dapat bersabar dan mematuhi arahan keselamatan sepanjang tempoh kerja pembaikan jambatan dan tebing sungai nanti.

"Saya faham mereka terpaksa guna jalan yang lebih jauh bagaimanapun kerjasama semua pihak penting bagi memastikan kemudahan jambatan ini dapat diakses kenderaan pada masa akan datang," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Jabatan Kerja Raya(JKR) (Jabatan Kerja Raya(JKR))	7	0	RM 0
Jabatan KerjaRaya Negeri Selangor (Jabatan KerjaRaya Negeri)	10	0	RM 0
Oil Palm Development (Oil Palm Development)	1	0	RM 0
Palm Oil News (Palm Oil News)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Pengurusan sampah perlu naik taraf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,889
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,667



Suzana (empat kanan) menyerahkan tong sampah kepada wakil penduduk.

Pengurusan sampah perlu naik taraf

UKAY PERDANA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menyerahkan 20 unit tong sampah untuk kawasan Pusat Komersial Ukay Perdana, di sini, baru-baru ini.

Ahli Majlis MPAJ, Suzana Shaharudin berkata, sebelum ini KDEB Waste Management telah mengedarkan 12 unit tong sampah di kawasan berkenaan.

"Jumlah tersebut dibahagikan untuk empat lorong di kawasan Komersial Ukay Perdana, namun ia tidak mampu menampung kapasiti sampah yang dibuang oleh penduduk, oleh itu kita telah memohon MPAJ untuk menambah lagi jumlah tong sampah di sini," katanya.

Suzana berkata, pihaknya juga akan mengadakan gotong-royong pada masa terdekat untuk membersihkan kawasan lapang yang telah dipenuhi semak dan pokok pisang.

"Kita akan menjadikan kawasan tersebut lebih teratur untuk kawasan pembuangan sampah dan kebun komuniti," katanya.

Menurutnya, pengurusan sampah di kawasan tersebut sebelum ini dipercayai tidak diuruskan dengan baik.

"Saya menerima aduan daripada penduduk kawasan ini berbau busuk, malah air sampah mengalir, namun perkara ini selesai setelah KDEB Waste Management menguruskan sampah di kawasan ini, mereka mengutip sampah setiap hari," katanya.

Sementara itu, Ketua Komuniti Pusat Komersial Ukay Perdana, Mokhtar Hayadi, berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada penduduk agar membuang sampah di tempat yang telah disediakan pada waktu malam. Ia akan memudahkan kerja KDEB Waste.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Cenviro Sdn Bhd (Cenviro Industry News)	2	0	RM 0
KDEB Waste Management SDN BHD (KDEB Waste Management SDN	2	0	RM 0
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) (Majlis Perbandaran	5	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	'Thaipusam shows Malaysians enjoy freedom of religion'		
MediaTitle	The Star		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	201,943
Page No	13	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,314



'Thaipusam shows Malaysians enjoy freedom of religion'



A day for prayers and penance: Devotees carrying kavadis and milk pots while walking towards the Batu Caves temple during Thaipusam.



Walk of devotion: Hindu devotees making their way to the Sri Subramaniam temple in Ringlet, Cameron Highlands. — Bernama

KUALA LUMPUR: The peaceful Thaipusam celebration this year affirms the fact that Malaysians are able to enjoy freedom of religion, says National Unity and Social Well-being Minister P. Waytha Moorthy.

He said that while Malaysia has a majority Muslim population, those from other faiths have always been allowed to practise their faiths.

"This is the unique aspect of this nation which thrives on religious diversity."

"All religions are given space to perform their religious duty to God without any hatred," he said in his speech during the Thaipusam celebra-

tion at Batu Caves yesterday.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, who was present as well, said that Malaysians stayed united despite certain quarters trying to play up religious and racial sentiments.

"Even though lately there are those who like to use religious and racial sentiments to scare the public, the celebration in Batu Caves proves that Malaysians can practise their faith (in peace)," said Amirudin.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	2	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

A day for prayers and penance: Devotees carrying kavadis and milk pots while walking towards the Batu Caves temple during Thaipusam.

Walk of devotion: Hindu devotees making their way to the Sri Subramaniam temple in Ringlet, Cameron Highlands. - Bernama

KUALA LUMPUR: The peaceful Thaipusam celebration this year affirms the fact that Malaysians are able to enjoy freedom of religion, says National Unity and Social Well-being Minister P. Waytha Moorthy.

Headline	NEW COUNTER HOURS		
MediaTitle	The Star		
Date	22 Jan 2019	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	2	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	31 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 789
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,366



NEW COUNTER HOURS
 Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) has revised its counter operation hours since Jan 1. The Inc2 counter at MPSJ's headquarters is open 8am to 5pm on weekdays. The drive-through counter at MPSJ's headquarters is open 9am to 4pm, Mondays to Thursdays, and 9am to 12.15pm and 2.45pm to 4pm on Fridays. The branch offices in Bandar Puteri Puchong and Seri Kembangan Indoor Stadium are open from 8am to 5pm, Mondays to Thursdays, and 8am to 12.15pm and 2.45pm to 5pm on Fridays. All counters are closed on weekends and public holidays.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) (Majlis Perbandaran Subang)	4	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

NEW COUNTER HOURS SubangJaya Municipal Council (MPSJ) has revised its counter operation hours since Jan 1. The Inc2 counter at MPSJ's headquarters is open 8am to 5pm on weekdays. The drive-through counter at MPSJ's headquarters is open 9am to 4pm, Mondays to Thursdays, and 9am to 12.15pm and 2.45pm to 4pm on Fridays.

Headline	Shameful state of pedestrian bridge in Klang		
MediaTitle	The Star		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	5	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	235 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,753



Shameful state of pedestrian bridge in Klang

WHY is it taking the authorities so long to repair the dilapidated pedestrian bridge opposite Hospital Tengku Ampuan Rahimah?

I highlighted the problem four months ago but to date, nothing has been done.

There are gaping holes all over the roof and the floor has stagnant water.

I even called the state assemblyman in my area to complain and was told someone had already lodged the same complaint and they would be acting on it soon.

It is shameful that a facility which is much used by patients and visitors is in such a terrible condition.

Others like me are taking the time and effort to take pictures and make calls to highlight the problem.

Instead of appreciating our efforts and taking action promptly, nothing has been done even though it has been months.

I hope to see the bridge repaired soon so we can use it without getting wet or sunburnt.

FED UP
Klang



The pedestrian bridge needs to be repaired.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Hospital Tengku Ampuan Rahimah(HTAR) (Hospital Tengku Ampuan	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

WHY is it taking the authorities so long to repair the dilapidated pedestrian bridge opposite Hospital Tengku Ampuan Rahimah? I highlighted the problem four months ago but to date, nothing has been done. There are gaping holes all over the roof and the floor has stagnant water. I even called the state assemblyman in my area to complain and was told someone had already lodged the same complaint and they would be acting on it soon.

Headline	New homes for 23 kittens		
MediaTitle	The Star		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	6	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,649



New homes for 23 kittens



The Cat Adoption programme organised by MBSA was a huge success as 23 kittens were adopted within an hour.

THERE were plenty of purrs heard at the Cat Adoption (Kucing Angkat) programme, which was held in conjunction with Shah Alam's Car-Free Day.

A total of 23 kittens found new homes within an hour as eager pet lovers lined up to take advantage of the programme, which took place at Merdeka Square, Seksyen 14 in Shah Alam, from 8am to 11am.

The programme by the Shah Alam Municipal Council (MBSA) was held to raise awareness among communities and encourage cooperation from all parties to act more responsibly towards pets for a cleaner, safer environment.

The cats had been picked up by MBSA at areas such as markets and stalls.

Before being adopted, the felines were vaccinated and went through a health check.

Each person who took home a kitten from MBSA was awarded up to RM20, with the maximum number of cats per person limited to two.

MBSA worked with Department of Veterinary Service in Selangor, Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (Perhilitan) in Selangor, and World Wide Fund for Nature (WWF) in Malaysia for the cat adoption programme.

Some of the activities held as part of the programme were seminars and exhibitions.

The programme also accepted sponsorship from a few pet food manufacturers and animal clinics.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	3	0	RM 0
Department Of Wildlife and National Parks (DWNP) (Department Of	2	0	RM 0
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) (Majlis Bandaraya Shah Alam	5	0	RM 0
Wildlife and National Parks Department (Wildlife and National Parks	1	0	RM 0
World Wide Fund For Nature (WWF)	11	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

The Cat Adoption programme organised by MBSA was a huge success as 23 kittens were adopted within an hour.

THERE were plenty of purrs heard at the Cat Adoption (Kucing Angkat) programme, which was held in conjunction with Shah Alam's Car-Free Day.



■ 依茲漢

報導 ◆ 郭貞黎

